

# Kedai Buku Penerbit UMS dibuka

BH 6.11.2015 8.

**Kota Kinabalu:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) kini memiliki Kedai Buku Penerbit UMS di kampus induknya sebagai usaha memperluaskan ilmu daripada penyelidikan, selain mengekalkan kecemerlangan penerbitan universiti itu.

Mula beroperasi sejak 20 Oktober lalu di Lobi Anjung Siswa di Bangunan Hal Ehwal Pelajar (HEP), kedai buku itu menghimpunkan lebih 2,000 judul buku terbitan UMS dan uni-

versiti tempatan lain.

## **Pemangkin hasilkan manuskrip berkualiti**

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, berkata dengan adanya kedai buku itu, ia mampu menjadi pemangkin kepada pensyarah universiti berkenaan menghasilkan lebih banyak manuskrip berkualiti dan mempunyai faktor kebolehpasaran.

Katanya, manuskrip yang memiliki nilai kebolehpasaran

yang baik mampu membantu menjana pendapatan kepada universiti dan penulis.

## **Peluang terbit buku**

“Warga UMS tidak kira pensyarah atau kakitangan bukan mengajar berpeluang menerbitkan buku bersama UMS seperti terkandung dalam Dasar Penerbitan Ilmiah UMS.

“Bagaimanapun, proses penerbitan ini masih tertakluk kepada prosedur tertentu sebelum diluluskan untuk pe-

nerbitan. Saya harap kakitangan UMS mengambil peluang ini dalam usaha mengembangkan potensi diri,” katanya - ketika merasmikan kedai buku berkenaan, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Profesor Madya Dr Ismail Ali; Ketua Pustakawan UMS, Dayang Rukiah Ag Amit dan Pengarah Penerbitan UMS, Profesor Madya Dr Asmady Idris.